

SALAHUDDIN AL-AYUBI DALAM MENANGANI MASYARAKAT KRISTIAN DI ISLAMICJERUSALEM DAN PALESTIN

Mohd Roslan Mohd Nor¹
Nor Shakila Mohd Noor²

Abstrak

Umat Islam telah berjaya membebaskan Islamicjerusalem dan kota Baitulmuqaddis bagi kali yang kedua di bawah pimpinan Salahuddin al-Ayubi. Beliau telah memimpin pasukan Muslim dan berjaya membebaskan kota tersebut pada tahun 1187. Ketika kota tersebut dibebaskan, Islamicjerusalem dan kota Baitulmuqaddis mempunyai rakyat daripada pelbagai latar agama, termasuk Kristian. Oleh kerana Perang Salib yang berlaku melibatkan Muslim dan Kristian, maka hubungan dan tindakan pemimpin terhadap golongan ini sewaktu mencapai kemenangan adalah amat penting untuk dikaji. Ini bagi melihat sejauh mana tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pemimpin Islam dalam menghormati pengikut agama lain. Oleh yang demikian, kertas ini mengkaji dan memaparkan peristiwa besar pembebasan kota Baitulmuqaddis dengan melihat kepada Salahuddin al-Ayubi dalam menangani masyarakat Kristian di Islamicjerusalem dan kota Baitulmuqaddis tersebut.

Kata kunci: Salahuddin al-Ayubi, hubungan Muslim-Kristian, Islamicjerusalem, Baitulmuqaddis, Palestin

Abstract

Muslims managed to liberate Islamicjerusalem and the city of Bayt al-Maqdis for a second time under the leadership of Salahuddin al-Ayubi. He led the Muslim forces, and successfully freed the city in 1187. At the time, Islamicjerusalem and the city of Bayt al-Maqdis were inhabited by people from diverse religious groups, including Christians. Since the Crusades involved Muslims and Christians, the relationship and action of the leaders of these groups during the victory is very important to be studied. This is to learn of the extent of the actions committed by Muslim leaders in respect of other religious adherents. Therefore, this paper

¹ Mohd Roslan Mohd Nor, PhD, adalah Pensyarah Kanan dan Ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. E-mel: m_roslan@um.edu.my.

² Nor Shakila Mohd Noor adalah calon ijazah tinggi Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

examines and shows a major event on liberation of the city of Bayt al-Maqdis by focusing on how Saladin al-Ayubi handles the Christians in Islamicjerusalem and the city of Bayt al-Maqdis.

Keywords: *Saladin al-Ayubi, Muslim-Christian relation, Islamicjerusalem, Bayt al-Maqdis, Palestine*

Pendahuluan

Umat Islam dituntut untuk mempunyai akhlak dan keperibadian yang tinggi sama ada dalam hubungan sesama Muslim atau bukan Muslim. Akhlak merupakan warisan maknawi Rasulullah s.a.w yang amat bernilai dan istimewa. Adab yang baik serta bermoral tinggi merupakan “gedung simpanan rahsia agama.”³ Akhlak merupakan pelengkap bagi agama. Ia umpsama struktur penting suatu bangunan kerana bangunan tidak dapat ditegakkan dengan baik serta kuat tanpa asas yang kukuh. Memiliki akhlak Islamiah yang sempurna serta istimewa akan mendorong seseorang itu bersikap baik serta sesekali tidak melakukan penyelewengan terhadap perintah Allah SWT.

Melalui akhlak yang tinggi, budi pekerti yang luhur, maka Islam telah membuktikan bahawa keadilan dan keamanan boleh wujud di Islamicjerusalem⁴ (Baitulmuqaddis, Palestin). Fenomena ini jelas dapat dilihat melalui tindakan Umar al-Khattab yang memberikan jaminan keselamatan dan keamanan kepada bukan Muslim yang ingin terus menetap di sana, setelah kawasan itu berjaya dikuasai oleh umat Islam daripada pemerintahan kuasa Rom. Dokumen jaminan ini dikenali sebagai *al-'Uhdah al-'Umariyyah* atau sesetengah cendekiawan mengatakan *al-Shurūt al-'Umariyyah*.⁵ Keadaan ini juga secara tidak langsung menunjukkan bahawa Islam mengambil berat masalah non-Muslim yang inginkan keamanan di bawah pemerintahan Islam.

³ Asming Yalawae *et al.* (2007), “Akhlak Warisan Rasulullah s.a.w Membawa Kemuliaan Umat”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 26, Disember 2007, h. 72.

⁴ Mohd Roslan Mohd Nor (2003), “Tebus Baitulmaqdis”, *Utusan Malaysia*, 30 Mei.

⁵ Othman I. al-Tel (2003), *The First Islamic Conquest of Aelia (IslamicJerusalem): A Critical Analytical Study of the Early Islamic Historical and Narratives and Sources*, Dundee: al-Maktoum Institute Academic Press, h. 211. Lihat juga Mohd Roslan Mohd Nor (2006): “Lil al-Ālamīn: The Concept and Implementation of Inclusive Vision in Islamicjerusalem”, *Palestine Internationalist*, Vol. 1, No. 3, March (Jurnal dalam talian).

Penaklukan kembali Baitulmuqaddis oleh Salahuddin al-Ayubi daripada penjajahan Tentera Salib pada tahun 1187M menjadi satu mercu tanda yang membentuk hubungan antara rakyat daripada pelbagai agama yang tinggal di kawasan tersebut. Hubungan antara kaum berjalan dengan baik. Ia bertepatan dengan konsep *li al-‘ālamīn*⁶ atau “untuk seluruh alam,” di mana pemerintahan Islam tidak menafikan hak masyarakat daripada agama lain untuk berada Islamicjerusalem. Perkara ini menjadi satu visi kepada umat Islam dalam rangka mewujudkan keadilan kehidupan sosial di Palestin.

Layanan Tentera Salib Kristian terhadap Muslim Sewaktu Era Perang Salib

Dalam konteks sejarah, layanan masyarakat Kristian, khususnya Tentera Salib, terhadap umat Islam ternyata begitu bertentangan dengan layanan Salahuddin al-Ayubi. Moshe Gil mengulas kenyataan yang telah diberikan oleh Balderic di dalam buku yang ditulisnya iaitu *The History of Jerusalem* di mana pada awal abad ke 12, sebahagian besar penduduk Palestin telah melarikan diri ke Temple Mount. Tentera Salib telah berjanji akan membiarkan mereka terus hidup, sebaliknya mereka pada akhirnya telah dibunuh beramai-ramai oleh Tentera Salib. Balderic merekodkan bahawa seramai antara 20,000 sehingga 30,000 orang telah disembelih oleh Tentera Salib.⁷

Kekejaman Tentera Salib juga turut digambarkan oleh Steven Runciman dalam bukunya *A History of the Crusades*. Beliau memperlihatkan bagaimana Tentera Salib sewaktu berada di kota Baitulmuqaddis dalam usaha untuk menaklukinya, telah merampas emas dan perak, haiwan ternakan penduduk seperti keldai dan kuda serta barang dari rumah-rumah mereka. Keesokan harinya, mereka memancung kepala para penduduk sama ada lelaki dan perempuan, malah mayat mereka telah dihumbar keluar pagar dan akhirnya dibakar secara susunan bertimbun seperti piramid.⁸

Kejatuhan Palestin di tangan Tentera Salib dan kekejaman mereka ini telah direkodkan juga oleh sumber-sumber Muslim dan Arab. Abū al-Hasan ‘Alī al-Shaybānī ibn al-Athīr melaporkan bahawa Tentera Salib telah membunuh lebih daripada 70,000 orang di Masjid al-

⁶ Mohd Roslan Mohd Noor (2006), *op. cit.*

⁷ Moshe Gil (1997), *A History of Palestine 634-1099*. (terj. Ethel Broido), Cambridge: Cambridge University Press, h. 61 dan 827.

⁸ Steven Runciman (1952), *A History of the Crusades: the Kingdom of Jerusalem and the Frankish East (1100- 1187)*, Vol. 2, Cambridge: Cambridge University Press, h. 457-458.

Aqsa. Mereka yang dibunuh ini terdiri daripada kelompok imam, sarjana agama, orang-orang soleh serta ahli masjid.⁹ Pendapat beliau mengenai bilangan penduduk Palestin yang terbunuh turut disokong oleh Ghrighurius al-Maltī ibn al-‘Ibrī, yang malah menyatakan bahawa Tentera Salib telah menghabiskan masa membunuh Muslim di Palestin dalam tempoh hanya seminggu sahaja.¹⁰

Selain itu, Abū al-Faraj ibn al-Jawzī dalam *al-Muntażam fī Tārīkh al-Mulūk wa al-Umām* mengatakan bahawa Palestin telah jatuh ke tangan Tentera Salib pada hari Jumaat 13 Syaaban 492H bersamaan 15 Julai 1099. Sama seperti pendapat ibn al-Athīr dan ibn al-‘Ibrī, beliau turut merekodkan seramai 70,000 orang Muslim terbunuh, selain rompakan 40 lilit perak di Masjid al-Aqsa yang mana setiap satunya bernilai 360,000 dirham serta barang-barang bernilai yang lain lagi.¹¹

Tindakan Tentera Salib tersebut menunjukkan bahawa mereka tidak mahu golongan Muslim berada di Islamicjerusalem sehingga mereka sanggup membunuh secara beramai-ramai. Jelas dalam hal ini masyarakat Kristian mengamalkan dasar pemerintahan eksklusif ketika mereka menguasai wilayah tersebut. Ia seolah-olah tiada perkongsian hidup sama sekali bersama bangsa berlainan agama dan juga budaya. Kekejaman ini berterusan di bawah Tentera Salib di mana kaum Yahudi juga turut ditindas oleh mereka, bahkan diusir dari bumi Palestin. Namun, pembebasan Islamicjerusalem oleh Salahuddin telah mengembalikan hak kaum lain sama ada Kristian atau Yahudi untuk berada di wilayah tersebut. Bahkan kehidupan masyarakat meningkat menuju kemakmuran pada era beliau.¹²

Layanan Salahuddin al-Ayubi terhadap Masyarakat Kristian di Palestin

Pencerobohan Palestin oleh Tentera Salib benar-benar mencabar Salahuddin al-Ayubi, apatah lagi setelah khabar mengenai kekejaman

⁹ Abū al-Hasan ‘Alī al-Shaybānī ibn al-Athīr (1998), *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, Jil. 9, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 19.

¹⁰ Ghrighurius al-Maltī ibn al-‘Ibrī (1992), *Tārīkh Mukhtaṣar al-Duwal*, Beirut: Dār al-Mashriq, h. 197.

¹¹ Abū al-Faraj ibn al-Jawzī (1995), *al-Muntażam fī Tārīkh al-Mulūk wa al-Umām*, Jil. 17, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 47.

¹² Abdul Latif Tibawi (1980), *Jerusalem the Key to World Peace*, London: Islamic Council of Europe, h. 146.

Tentera Salib terhadap Muslim¹³ telah tersebar. Ia membakar semangat jihad Salahuddin untuk membebaskan bumi Palestin daripada tangan Tentera Salib. Pembebasan bumi Palestin daripada kuasa penjajahan menjadi keutamaan kepadanya memandangkan bumi tersebut sebagai salah satu daripada tempat suci bagi umat Islam.

Bahā' al-Dīn ibn Shaddād, seorang penulis biografi mencatatkan kata-kata Salahuddin bahawa, “Ketika Tuhan mengizinkan saya untuk menakluki Mesir, saya menyedari bahawa Dia juga menginginkan saya menakluki kawasan pantai Syria, kerana Dia telah meletakkan ilham ini dalam fikiran saya.”¹⁴

Realitinya, ungkapan tersebut bukanlah suatu perkara yang baru, kerana kebanyakan Muslim berhasrat sama seperti beliau. Namun dalam keadaan ini Salahuddin kelihatan lebih bertanggungjawab berbanding Muslim lain dalam membebaskan Palestin dan kawasan sekitarnya. Matlamat beliau akhirnya dapat direalisasikan setelah beliau berpeluang menjadi pengganti kepada Nūr al-Dīn Zangī yang telah meninggal dunia di Damsyik pada 569H/1174. Penggantian itu berlaku setelah beliau mendapat banyak persetujuan daripada para panglima, pemimpin agama dan juga para pemikir Islam.¹⁵

Misi Salahuddin dan tenteranya melawan Perang Salib dalam membebaskan Palestin daripada cengkaman pihak musuh telah menghasilkan satu kemenangan yang besar. Sebelum menakluki Palestin, Salahuddin telah berjaya membebaskan pelbagai wilayah sekitarnya. Perang Hittin jelas mencerminkan budi pekerti Salahuddin yang mulia terhadap para panglima Tentera Salib yang berjaya ditangkapnya. Antaranya ialah Raja Guy dari Lusignan. Suatu ketika, Salahuddin meminta Raja Guy dan Raynald dari Chatillon, kedua-duanya di bawa ke khemah menghadapnya dan meminta Raja Guy duduk di sebelahnya. Melihat tetamunya yang kehausan, Salahuddin menghulurkan minuman kepada Raja Guy.¹⁶ Serentak itu, Salahuddin berkata, “Kami tidak memberikan kepadanya air

¹³ Faris Glubb (1999), “Jerusalem: the Central Point in Saladin’s Life”, *Journal of Islamic Jerusalem Studies*, Jil. 2, h. 49.

¹⁴ Bahā' al-Dīn ibn Shaddād (2000), *al-Nawādir al-Sulṭāniyyah wa al-Mahāsin al-Yūsufiyyah*, Kaherah: Dār al-Manār, h.4.

¹⁵ Maher Y. Abu Munshar (2007), *Islamic Jerusalem and Its Christians: A History of Tolerance and Tensions*, London: IB Tauris, h. 140-141.

¹⁶ Ibn Shaddād (2000), *op. cit.*, h. 51.

untuk menyelamatkannya.”¹⁷ Walaupun begitu, mengikut tradisi Arab, sikap ramah kepada tetamu dengan memberikan minuman kepada mereka adalah sebagai tanda nyawanya dalam keadaan selamat.

Salahuddin kemudian bergerak ke arah Raynald lalu membunuhnya dengan pedang bagi memenuhi janjinya disebabkan oleh tindakan Raynald yang bertindak menyerang kumpulan kafilah yang tidak bersenjata sewaktu dalam tempoh gencatan senjata. Lebih buruk lagi, penghinaan Raynald terhadap Nabi Muhammad s.a.w. benar-benar menguji kesabaran Salahuddin, menyebabkan dia berjanji tidak akan memaafkan serta akan membunuh Raynald jika berjaya ditangkap. Guy yang menyaksikan kejadian tersebut berasa gementar kerana merasakan saat pembunuhan bakal tiba selepas Raynald dibunuh Salahuddin, namun ditenangkan oleh Salahuddin dengan berkata, “Bukan suatu kebiasaan bagi raja-raja membunuh raja-raja yang lain, tetapi dia telah melampaui batas.”¹⁸ Salahuddin akhirnya mengeluarkan perintah kepada para tenteranya supaya melayan para tetamunya dengan baik, malah Raja Guy dihantar pulang ke Damsyik dengan rasa hormat.

Layanan yang berbeza antara Raja Guy dan Raynald secara tidak langsung telah membentuk pola yang berbeza dalam mengurus berdasarkan kepada keadaan. Hanya yang melampaui batas sahaja akan diambil tindakan, sebaliknya musuh yang tidak melampaui batas akan dimaafkan oleh Salahuddin dan layak menerima layanan yang mulia daripada beliau. Ini boleh dikatakan sama dengan tindakan Umar al-Khattab ketika beliau memberikan jaminan kepada non-Muslim di Islamicjerusalem, melalui perjanjian yang dikenali sebagai *al-'Uhdah al- 'Umariyyah*.¹⁹

Dalam misi menakluki Palestin, Salahuddin tidak menyerang Tentera Salib secara membabi buta bagi menjaga hubungan kedua-dua belah pihak, lebih-lebih lagi bagi memelihara kesucian al-Aqsa. Ini juga demi mengelak daripada mana-mana bahagian bangunan rosak.²⁰ Beliau mengambil inisiatif mencontohi cara Umar al-

¹⁷ Abdullah Nasih ‘Ulwan (2004), *Salah al-Din al-Ayyubi (Saladin): Hero of the Battle of Hittin and Liberator of Jerusalem from the Crusaders (532-589H/1137-1193M)*, (terj.), Khalifa Ezzad Abu Zeid, Kaherah: Dār al-Salām, h. 77.

¹⁸ *Ibid.* Lihat juga Abu Munshar (2007), *op. cit.*, h. 144.

¹⁹ Abd al-Fattah el-Awaisi (2000), “Umar’s Assurance of Safety to the People of Aelia (Jerusalem): A Critical Analytical Study of the Historical Sources”. *Journal of Islamic Jerusalem Studies*. Vol. 3, No 2 (Summer), pp: 47-49.

²⁰ Ibn Shaddād (2000), *op. cit.*, h. 51. Lihat juga ibn al-Athīr (1998), *op. cit.*, h. 142.

Khattab ketika beliau berusaha menakluki kawasan tersebut pada zaman awal Islam. Justeru, Salahuddin bertindak menghantar utusan kepada pihak Tentera Salib agar menyerah kalah, namun permintaan Salahuddin ditolak. Setelah dikepung 40 hari oleh tentera Salahuddin, akhirnya kemenangan berpihak kepada Salahuddin.²¹ ‘Imād al-Dīn al-İsfahānī melaporkan seramai lebih daripada 100,000 orang Kristian termasuk lelaki, perempuan dan kanak-kanak telah ditawan oleh tentera Islam.²² Sikap pemaaf Salahuddin terhadap masyarakat Kristian telah menyebabkan beliau tidak menghukum bunuh mereka berbanding yang dilakukan oleh Tentera Salib terhadap umat Islam sebelum ini. Bahkan mereka semua dibebaskan dengan syarat membayar wang tebusan diri. 10 dinar untuk lelaki, 5 dinar untuk perempuan, dan 2 dinar untuk kanak-kanak.²³ 7000 daripada orang-orang miskin juga dibebaskan dengan jumlah pembayaran sebanyak 30,000 dinar sekaligus. Namun, sekiranya ada antara mereka tidak mampu membayar wang tebusan diri tersebut, secara automatik mereka akan terus berada dalam tahanan.

Pendekatan Salahuddin tersebut secara tidak langsung dapat mengelak pertentangan di Islamicjerusalem tanpa berlakunya pertempuran atau pertumpahan darah yang lebih dahsyat. Ia sekaligus mencerminkan kebaikan Islam itu sendiri di mata pihak musuh. Sesungguhnya diri Salahuddin itu dihiasi dengan akhlak Islam yang indah. Pada pendapat penulis, cara beliau melayan tawanan Kristian itu sendiri cukup menggambarkan perwatakannya sebagai seorang yang pemaaf dan bersikap belas kasihan, sekalipun dengan musuh Islam itu sendiri. Dari sudut teori dan praktikalnya, layanan yang baik terhadap golongan bukan Islam dan bersikap belas kasihan terhadap mereka adalah semata-mata bagi menunjukkan kebaikan dan sikap pemaaf Islam itu, yang mana kebaikan itu mengatasi segala keburukan dan perkara-perkara negatif yang lain. Matlamatnya adalah untuk menyedarkan masyarakat Kristian khasnya serta pengikut agama lain umumnya, mengenai Islam sebagai agama yang mengasihi manusia yang lain serta bersifat kemanusiaan.

Maher Y. Abu Munshar dalam bukunya *Islamic Jerusalem and Its Christians* mengulas bahawa dalam menentukan bentuk layanan

²¹ Abd al-Fattah el-Awaisi (2008), *Meneroka Identiti IslamicJerusalem*, (terj.), F. A. Rahman *et al.*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 136.

²² ‘Imād al-Dīn al-İsfahānī (t.t.), *Kitāb al-Fath al-Qussī fī al-Fath al-Qudsī*, t.t.p.: t.p., h. 43.

²³ Ulwan (2004), *op. cit.*, h. 79. Lihat juga Abu Munshar (2007), *op. cit.*, h. 151.

terhadap masyarakat Kristian, Salahuddin telah membuat pembahagian kepada dua kelompok utama. Pertama, pihak Tentera Salib yang telah membuat pelbagai kekejaman ke atas masyarakat Arab serta Yahudi. Kedua, penduduk peribumi Kristian di Palestin yang terdiri daripada kaum Arab dan bukan Arab yang mengikut aliran gereja Greek Ortodoks.²⁴ Selaku penduduk peribumi Palestin, mereka meminta hak untuk terus mendiami bumi Palestin. Namun, Salahuddin telah mengenakan syarat supaya mereka membayar wang tebusan diri dulu kemudian barulah dibenarkan untuk tinggal di Palestin dengan menerima pemerintahan Islam serta dikehendaki membayar jizyah.²⁵

Secara umum, sistem jizyah diwujudkan sebagai pulangan kepada keamanan dan perlindungan yang diberikan kepada golongan bukan Muslim. Sehubungan itu, sistem jizyah bukan satu bebanan kepada bukan Muslim, malah merupakan satu keringanan yang besar berbanding sistem cukai yang dilaksanakan oleh pemerintahan Rom Timur sebelumnya. Walaupun demikian, golongan yang tidak berkemampuan diberi pertimbangan dan mereka boleh dibebaskan tanpa syarat. Justeru, masyarakat bukan Islam, seperti Kristian Ortodoks dan sebagainya, yang mahu tinggal di bawah pemerintahan Islam terus dibiarkan kekal mendiami bumi Palestin. Mereka diberikan ruang pilihan yang bebas untuk mengamalkan ritual keagamaan masing-masing yang selama ini telah menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka.

Cerminan akhlak mulia Salahuddin itu dapat dibuktikan lagi dengan layanannya terhadap masyarakat Kristian yang telah menebus diri mereka untuk bebas. Ini berlaku apabila beliau telah membekalkan sejumlah wang serta haiwan tunggangan setelah melihat para tebusan membawa ibu bapa dan tetangga mereka yang sudah berumur.²⁶ Salahuddin juga memerintahkan tenteranya supaya mengiringi mereka bagi memastikan mereka ini selamat tiba ke destinasi yang diingini.²⁷ Dalam hal ini, Geoffrey Regan mengatakan bahawa,

Para pekerja Salahuddin yang tidak mampu melihat penderitaan para pelarian itu telah meminta para pekerja yang lain turun dari haiwan tunggangan, lantas menetapkan bahawa rombongan Kristian yang sudah berumur supaya

²⁴ Abu Munshar (2007), *op. cit.*, h. 156.

²⁵ Al-İṣfahānī (t.t.), *op. cit.*, h. 47-48.

²⁶ 'Ulwan (2004), *op. cit.*, h. 85.

²⁷ Geoffrey Regan (1987), *Saladin and the Fall of Jerusalem*, London: Croom Helm, h. 150-151.

menaiki tunggangan mereka, malah tentera Salahuddin sendiri yang memegang anak-anak Kristian dengan tangan mereka.²⁸

Ibn al-Athīr dan al-İsfahānī adalah dua daripada ahli sejarah yang merekodkan sikap ramah serta belas kasihan Salahuddin terhadap perempuan yang mulia, dengan memberikan mereka meninggalkan Palestin tanpa sebarang wang tebusan. Sebagai contoh, Permaisuri Sybil,²⁹ seorang permaisuri Byzantine, yang telah menjadi ahli agama dan menubuhkan sebuah tempat peribadatan dan mempunyai ramai pengikut di bawahnya, telah diberikan jaminan keselamatan oleh Salahuddin. Bahkan permintaannya untuk meninggalkan tempat tersebut bersama para pengikutnya telah diterima oleh Salahuddin dengan belas kasihannya tanpa sebarang syarat. Malah, beliau telah membawa Permaisuri Sybil bertemu dengan suaminya yang dipenjarakan di Nablus dan memberikannya berada di sisi suaminya.

Runciman dalam bukunya *A History of the Crusades* menyatakan bahawa ramai daripada kaum perempuan Kristian yang menebus diri mereka datang menghadap Salahuddin sebelum mereka keluar meninggalkan kota tersebut dalam keadaan dukacita. Ada di antara mereka berkata,

Wahai Sultan, sebagaimana kamu lihat, kami akan pergi meninggalkan tempat ini sekarang. Kami sebagai para isteri, ibu-ibu, anak-anak perempuan kepada para tahanan. Kami akan meninggalkan tempat ini selama-lamanya dan meninggalkan para tahanan yang menjadi pelindung kepada kami. Jika kamu membunuh mereka, kehidupan kami akan musnah. Jika kamu membebaskan mereka, kamu telah mengurangkan kesakitan dan kesusahan kami kerana kami tidak dapat hidup tanpa adanya penjaga.³⁰

Mendengar masalah tersebut, Salahuddin bertindak membebaskan anak remaja kepada ibunya, suami kepada isterinya dan bapa kepada anaknya. Malah mereka diberikan sejumlah wang daripada perbendaharaan sesuai dengan keperluan mereka. Sementara, para tahanan yang masih berbaki pula dijamin oleh beliau bahawa mereka akan dilayan sebaik mungkin dan penuh belas kasihan. Menurut Runciman, layanan Salahuddin kepada masyarakat Kristian

²⁸ *Ibid.*, h. 153.

²⁹ Abu Munshar (2007), *op. cit.*, h. 152. Lihat juga ‘Ulwan (2004), *op. cit.*, h. 85- 86.

³⁰ Runciman (1952), *op. cit.*, Vol. 2, h. 466.

begitu bertentangan dengan perbuatan Tentera Salib semasa penaklukan Perang Salib Pertama.³¹

Selain itu, ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan dalam bukunya *Salah al-Din al-Ayyubi (Saladin)*, turut menyatakan pendapat daripada William B. Stevenson bahawa ramai daripada masyarakat Kristian yang meninggalkan Palestin tanpa membayar terlebih dahulu wang tebusan.³² Pendapat ini turut disokong oleh Stanley Lane Poole yang turut menyatakan hal yang sama, bahkan menyatakan bahawa Salahuddin membenarkan para pendeta dan masyarakat Kristian yang berharta membawa bersama-sama harta peribadi ketika meninggalkan Palestin.³³ Al-İşfahānī menyatakan bahawa Heraclius dan para paderinya dikatakan meninggalkan kota tersebut dengan perhiasan emas dan perak yang penuh sarat, selain daripada satu gerabak perhiasan dan barang-barang berharga daripada Gereja Suci Sepulchre.³⁴ Sebaliknya, orang Muslim akan membeli barang yang mereka tidak ingin. Jelas di sini bahawa Salahuddin tidak membenarkan Muslim yang lain melanggar hak asasi manusia dengan cara tidak membenarkan mereka merampas barang hak milik peribadi bukan Muslim, namun dikehendaki membelinya sekiranya berkeinginan.

Di samping itu, permintaan saudaranya, al-Mālik al-‘Ādil supaya membebaskan 1,000 orang masyarakat Kristian yang terdiri daripada orang-orang yang kurang upaya serta miskin turut dipenuhi oleh Salahuddin. Bahkan, beliau bukan sekadar membebaskan sejumlah 1,000 orang, tetapi sebanyak 10,000 orang kesemuanya, termasuk tahanan yang sudah berusia.³⁵ Tindakan ini jelas menggambarkan sikap dan layanan baiknya terhadap masyarakat Kristian.

Apabila diamati dari sudut keagamaan, kelihatannya Salahuddin mengamalkan toleransi yang tinggi terhadap masyarakat Kristian. Beliau sesekali tidak menghalang pengikut Kristian daripada melaksanakan ritual keagamaan mereka, bahkan tidak mengubah aspek demografi mereka. Atas fakta ini, Karen Armstrong

³¹ *Ibid.*

³² ‘Ulwan (2004), *op. cit.*, h. 86.

³³ Stanley Lane Poole (1985), *Saladin*, London: Darf Publishers, h. 226.

³⁴ Al-İşfahānī (t.t.), *op. cit.*, h. 47.

³⁵ Lane Poole (1985), *op. cit.*, h. 231- 232.

berpendapat bahawa, “Islam tidak berusaha untuk membina masjid di mana-mana bahagian Kristian di Baitulmuqaddis.”³⁶

Dapat dilihat di sini bahawa pemerintah Islam sesekali tidak masuk campur dalam hal keagamaan orang yang bukan beragama Islam. Di bawah pemerintahan Islam jugalah menyaksikan penganut Kristian terus melakukan penziarahan tempat suci mereka di Palestin. John Wilkinson menguatkan lagi pandangan ini apabila beliau mengatakan bahawa ziarah orang-orang Kristian ke Baitulmuqaddis pada waktu tersebut “tidak terganggu.”³⁷ Bahkan, gereja atau sinagoga iaitu rumah ibadat penganut Yahudi terus kekal terpelihara. Dengan kata lain, tempat peribadatan mereka dijamin tidak akan dicerobohi. Keadaan ini telah menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang tidak berusaha untuk menghentikan hak penganut bukan Islam.

Semasa berlaku pengepungan ke atas Acre, seorang ibu daripada Tentera Salib mengadu kehilangan anaknya apabila seorang Muslim dikatakan memasuki khemahnya dan menculik anaknya yang berusia 3 bulan. Kemudian, beliau mengambil keputusan berjumpa dengan Salahuddin atas saranan daripada putera raja yang menyatakan bahawa Salahuddin sememangnya memiliki hati budi yang baik. Beliau berkata, “Pergi dan beliau akan membawa anak kamu kembali.”³⁸

Mendengar aduan perempuan Kristian tersebut, Salahuddin memerintahkan agar anaknya segera dicari. Akhirnya setelah pencarian dilakukan, didapati anak kecil tersebut telah dijual di pasar. Justeru, Salahuddin memerintahkan supaya sejumlah wang diberikan kepada pembeli terbabit agar anak tersebut dapat diserahkan kembali kepada ibunya. Salahuddin dikatakan tidak berganjak selagi anak tersebut tidak dibawa kepada ibunya. Setelah bayi tersebut diserahkan kembali kepada ibunya, perempuan Kristian itu berdoa, lalu dibawa pulang ke khemahnya dengan menaiki kuda. Berdasarkan kisah ini, dapatlah dikatakan bahawa Salahuddin sememangnya seorang kesateria yang

³⁶ Karen Armstrong (1996), *A History of Jerusalem: One City, Three Faiths*, London: HarperCollins Publishers, h. 370 – 371.

³⁷ John Wilkinson (1990), “Jerusalem under Rome and Byzantine 63BC-637AD,” dalam *Jerusalem in History*, ed. K. J. Asali, New York: Olive Branch Press, h. 88.

³⁸ Ibn Shaddād (2000), *op. cit.*, h. 118-119. Lihat juga Bahā’ al-Dīn ibn Shaddād (2001), *The Rare and Excellent History of Saladin or al-Nawādir al-Sultāniyya wa ’l-Mahāsin al-Yūsufiyya*, (trans.) Donald S. Richards, Hampshire: Ashgate, h. 147-148.

memiliki hati yang begitu baik dan mengambil berat terhadap segala masalah rakyatnya, sekalipun dia itu seorang yang beragama Kristian.

Hubungan antara Muslim dan Kristian jelas kelihatan setelah berlakunya Perang Salib Ketiga (1189-1892). Kejatuhan Palestin ke tangan umat Islam membuatkan penganut Kristian tidak berpuas hati kerana bagi mereka, Palestin adalah hak milik mereka yang tidak boleh dikongsi sama sekali dengan umat agama lain seperti yang telah dijelaskan di atas. Walaupun Raja Richard memenangi sebahagian daripada wilayah di Palestin, namun beliau gagal mendapatkan kembali kota Baitulmuqaddis.³⁹ Kemuncak perperangan ini akhirnya berakhir dengan Perjanjian Damai Ramallah⁴⁰ yang ditandatangani pada 2 September 1192.⁴¹ Perjanjian tersebut secara tidak langsung menandakan berlakunya komunikasi antara dua pemimpin.⁴² Namun demikian, perjanjian tersebut terpaksa ditangguhkan buat seketika kerana Raja Richard telah jatuh sakit secara tiba-tiba.⁴³

Secara tersiratnya, terdapat perilaku yang mulia oleh Salahuddin terhadap musuhnya yang beragama Kristian iaitu Raja Richard apabila beliau telah memberikan layanan baik yang semaksimum mungkin kepada Raja Richard setelah mengetahui musuhnya itu jatuh sakit ketika di Jaffa. Raja Richard telah mendapat bantuan perubatan dan sekaligus mendapat makanan yang diidamkannya daripada Salahuddin. Kesinambungan daripada peristiwa terbabit, ternyata budi pekerti Salahuddin telah memberi kesan yang mendalam kepada Raja Richard sehingga beliau berkata kepada salah seorang pengikut Salahuddin,

Tolong sampaikan salamku kepada sultan dan katakan kepadanya, “Demi Tuhan! hendaklah dia mengabulkan permintaanku untuk berdamai kerana semua ini harus segera berakhir. Negeriku di seberang lautan sudah hancur. Justeru,

³⁹ Syed Ameer ‘Ali (1934), *A Short History of the Saracen*, London: Macmillan, h. 321.

⁴⁰ Tempoh perjanjian ialah selama 3 tahun dan 8 bulan. Lihat Abu Munshar (2007), *op. cit.*, h. 169.

⁴¹ Abu Munshar (2007), *op. cit.*, h. 160. Lihat juga ‘Ulwan (2004), *op. cit.*, h. 96-100. Lihat juga Sami bin Abdullah (2009), *Atlas Perang Salib: Mengungkap Peristiwa Berdarah Abad Pertengahan*, Jakarta: Penerbit Almahira, h. 157.

⁴² William Stubbs (2000), *al-Ḥarb al-Ṣalibiyyah al-Thālithah (Salah al-Din and Richard)*, (terj.) Ḥabashī Hasan, Kaherah: al-Ḥay’ah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah li al-Kitāb, Jil. 1, h. 57-63.

⁴³ David Nicole (1986), *Saladin and the Saracens*, London: Reed International Books Ltd., h. 45.

peperangan ini sesekali tidak akan mendatangkan kebaikan, baik untuk kami, mahupun untuk kalian!”⁴⁴

Berdasarkan kepada pernyataan Raja Richard tersebut dapat difahami bahawa layanan baik Salahuddin terhadap musuhnya telah menguatkan lagi tekad musuhnya untuk berdamai seperti yang telah dinyatakan di atas.

Menariknya, selepas sahaja perjanjian tersebut ditandatangani kedua belah pihak, Salahuddin telah membuat satu pengisytiharan,

Dengar semua! Keamanan telah diatur. Sesiapa dari tempatnya berhasrat untuk mengunjungi tempat kami, maka dia boleh berbuat demikian. Barang siapa dari tempat kami berkeinginan mahu mengunjungi tempat kalian, maka kami boleh melakukannya juga. Laluan rombongan ziarah dari Syria juga telah dibuka sekarang.⁴⁵

Daripada jaminan keamanan tersebut, dapat dibuat kesimpulan bahawa penganut Kristian terus diberi kebebasan oleh Salahuddin, iaitu dalam bentuk kebebasan untuk bergerak sebebas kaum Muslim. Salahuddin sendiri telah menghulurkan bantuan dalam bentuk pengawalan untuk mengawal para rombongan ziarah sehingga mereka kembali semula ke Jaffa, bahkan memerintahkan tenteranya supaya menyediakan makanan dan melayani mereka dengan penuh kebaikan.

Di samping itu, masyarakat Kristian yang menetap di Palestin juga mempunyai hak untuk memiliki rumah, kedai dan tanah.⁴⁶ Pintu turut terbuka untuk orang Kristian memasuki lapangan pekerjaan tanpa sebarang bentuk diskriminasi.⁴⁷ Matlamat daripada tindakan Salahuddin tersebut, tidak lain dan tidak bukan, adalah semata-mata bagi menjaga keamanan bumi Palestin kerana ia bukan sahaja hak milik umat Islam, namun dikongsi bersama antara dua lagi kepercayaan yang lain iaitu Kristian dan Yahudi. Seperti yang telah ditegaskan oleh Salahuddin dalam sesi perundingan bersama orang-orang yang terkemuka ketika membincangkan usaha-usaha perdamaian di antara dua pihak,

⁴⁴ Sami (2009), *op. cit.*, h.157.

⁴⁵ Ibn Shaddād (2000), *op. cit.*, h. 192.

⁴⁶ *Ibid.*, h. 152.

⁴⁷ *Ibid.*

Palestin [Islamicjerusalem] adalah milik kami, sama juga milik kamu. Bagi kami, ia lebih bermakna berbanding kamu kerana di sana Nabi kami melakukan Israk Mikraj. Janganlah berharap bahawa kami akan menyerahkan tempat ini kepada kamu. Penaklukan ke atasnya suatu ketika dahulu adalah suatu perkara yang tidak terduga, berpunca daripada kelemahan umat Islam ketika itu...”⁴⁸

Perjanjian perdamaian ini juga dapatlah dikatakan sebagai tanda pengiktirafan Raja Richard kepada keseluruhan kepimpinan dan kedaulatan Salahuddin. Justeru seiring dengan perjanjian damai tersebut, Raja Richard telah menyerahkan anak saudara lelakinya untuk dijaga oleh Salahuddin. Beliau juga menaruh kepercayaan yang cukup tinggi terhadap Salahuddin bagi menjaga gereja di Palestin, lantaran keyakinannya yang cukup tinggi bahawa Salahuddin adalah seorang yang berpegang teguh terhadap perjanjian yang telah dimeterai.⁴⁹

Jelas, pengikut Kristian di Palestin sememangnya berada dalam keadaan yang selesa semasa di bawah pemerintahan Salahuddin. Pembukaan kembali Palestin oleh Muslim di bawah Salahuddin ini telah memperlihatkan satu dimensi baru yang menyegarkan apabila layanan istimewa dalam segenap aspek tidak hanya terhenti sekadar umat Islam sahaja, malah termasuk kalangan yang bukan Islam. Ia seperti yang pernah dilakukan oleh Umar al-Khattab yang pernah memberi jaminan keselamatan kepada golongan bukan Islam di Islamicjerusalem.⁵⁰ Oleh itu, pendapat yang diutarakan oleh Stanley Lane Poole harus disokong kerana ada kewajaran dalam pendapat beliau yang memuji Salahuddin. Pandangan beliau adalah berdasarkan kepada layanan Salahuddin terhadap masyarakat Kristian seperti dibincangkan di atas. Menurutnya,

Rahsia di sebalik kehebatan Salahuddin terpancar pada kecintaan rakyatnya. Sedangkan pihak lain cuba menggapainya dengan menakut-nakutkan, melalui kekerasan dan kedudukan, beliau menyempurnakan hasratnya dengan kebaikan.⁵¹

⁴⁸ *Ibid.* Lihat juga Ibn Shaddād (2001), *op. cit.*, h. 186.

⁴⁹ Abu Munshar (2007), *op. cit.*, h. 160-170.

⁵⁰ Mohd Roslan Mohd Nor (2011), “Protecting Non-Muslim: Its Implementation during Early Muslim Rule of Islamic Jerusalem”, *al-Bayan: Jurnal al-Quran dan al-Hadith* 9, h. 209-222.

⁵¹ Lane Poole (1985), *op. cit.*, h. 367.

Seharusnya, nasihat Salahuddin kepada anaknya mengenai sumber kekuatan yang terdapat pada diri beliau, harus dijadikan pegangan oleh pemerintah Muslim era kini mahupun akan datang. Ini terutama dalam misi menubuhkan sebuah kerajaan dan pemerintahan yang benar-benar berdaulat dan diterima ramai. Kata Salahuddin,

Cuba memenangi hati rakyat, dan meneliti kemakmuran mereka, lantaran itu menjamin kegembiraan mereka... Saya menjadi hebat seumpama ini kerana saya telah berjaya memenangi hati rakyat dengan kelembutan dan kebaikan.”⁵²

Oleh yang demikian, sikap yang ditunjukkan oleh Salahuddin terhadap masyarakat Islam dan bukan Islam, terutamanya masyarakat Kristian, boleh digambarkan sebagai suatu tindakan yang matang. Ia sekaligus menjadi faktor wujudnya keamanan di Palestin pada waktu tersebut seperti yang telah digambarkan di atas.

Penutup

Salahuddin al-Ayubi telah memberi ruang yang terbuka kepada golongan Kristian dan jaminan keselamatan kepada mereka. Jelas, ia menunjukkan bahawa kewujudan pelbagai latar agama di kalangan rakyat tidak menjadi penghalang kepada pemerintahan Islam untuk membangunkan wilayahnya. Golongan Kristian di Islamicjerusalem dan kota Baitulmuqaddis telah mendapat layanan yang baik dari seorang pemimpin Muslim yang telah berjaya membebaskan wilayah tersebut buat kali yang kedua. Keadilan yang diberikan itu sungguh berharga dalam hal hubungan antara Muslim dan Kristian. Keadilan harus mewarnai kehidupan sehari-hari, tanpa mengira agama dan bangsa. Justeru, dalam hal ini, Salahuddin sesekali tidak mengamalkan dasar mengecualikan orang lain, namun menangani mereka dengan keadilan. Ini patut menjadi contoh teladan kepada pemimpin, ilmuwan dan masyarakat Islam seluruhnya.

Bibliografi

- Abu Munshar, Maher Y. (2007), *Islamic Jerusalem and Its Christians: A History of Tolerance and Tensions*, London: IB Tauris.
Ameer ‘Ali, Syed (1934), *A Short History of the Saracen*, London: Macmillan.
Amstrong, Karen (1996), *A History of Jerusalem: One City, Three Faiths*, London: HarperCollins Publishers.

⁵² *Ibid.*, h. 367-368

- Asming Yalawae *et al.* (2007), “Akhlak Warisan Rasulullah s.a.w Membawa Kemuliaan Umat”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 26, Disember.
- El-Awaisi, Abd al-Fattah (2008), *Meneroka Identiti Islamic Jerusalem*, (terj.) F. A. Rahman *et al.*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Gil, Moshe (1997), *A History of Palestine 634-1099*, (terj.) Ethel Broido, Cambridge: Cambridge University Press.
- Glubb, Faris (1999), “Jerusalem: the Central Point in Saladin’s Life”, *Journal of Islamic Jerusalem Studies*, Vol. 2.
- Ibn al-Athīr, Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Shaybānī (1998), *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, Jil. 9, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-‘Ibrī, Ghurīriyus al-Maltī (1992), *Tārīkh Mukhtaṣar al-Duwal*, Beirut: Dār al-Mashriq.
- Ibn al-Jawzī, Abū al-Faraj (1995), *al-Muntaẓam fī Tārīkh al-Mulūk wa al-Umām*, Jil. 17, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Shaddād, Bahā’ al-Dīn (2000), *al-Nawādir al-Sultāniyyah wa al-Mahāsin al-Yūsufiyyah*, Kaherah: Dar al-Manar.
- _____ (2001), *The Rare and Excellent History of Saladin or al-Nawādir al-Sultāniyya wa l-Mahāsin al-Yūsufiyya*, (trans.) Donald S. Richards, Hampshire: Ashgate.
- Al-Isfahānī, ‘Imād al-Dīn (t.t.), *Kitāb al-Faṭḥ al-Qussī fī al-Faṭḥ al-Qudsī*, t.tp.: t.p.
- Lane Poole, Stanley (1985), *Saladin*, London: Darf Publishers.
- Mohd Roslan Mohd Nor (2003), “Tebus Baitulmaqdis”, *Utusan Malaysia*, 30 Mei.
- _____ (2006), “Li al-‘Alamin: the Concept and Implementation of Inclusive Vision in Islamic Jerusalem”, *Palestine Internationalist*, Vol. 1, No. 3, March.
- _____ (2011), “Protecting Non-Muslim: Its Implementation during Early Muslim Rule of Islamic Jerusalem”, *al-Bayan: Jurnal al-Quran and al-Hadith* 9, h. 209-222.
- Nicole, David (1986), *Saladin and the Saracens*, Great Britain: Reed International Books Ltd.
- Regan, Geoffrey (1987), *Saladin and the Fall of Jerusalem*, London: Croom Helm.
- Runciman, Steven (1952), *A History of the Crusades: the Kingdom of Jerusalem and the Frankish East (1100- 1187)*, Vol. 2, Cambridge: Cambridge University Press.
- Sami bin Abdullah (2009), *Atlas Perang Salib: Mengungkap Peristiwa Berdarah Abad Pertengahan*, Jakarta: Penerbit Almahira.

- Stubbs, William (2000), *al-Harb al-Ṣalibiyyah al-Thālithah (Salah al-Din and Richard)*, (terj.) Ḥabashī Hasan, Kaherah: al-Ḥay’ah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah li al-Kitāb, Jil. 1.
- Al-Tel, Othman I. (2003), *The First Islamic Conquest of Aelia (Islamic Jerusalem): A Critical Analytical Study of the Early Islamic Historical and Narratives and Sources*, Dundee: al-Maktoum Institute Academic Press.
- Tibawi, Abdul Latif (1980), *Jerusalem the Key to World Peace*, London: Islamic Council of Europe.
- Ulwan, Abdullah Nasih (2004), *Salah al-Din al-Ayyubi (Saladin): Hero of the Battle of Hittin and Liberator of Jerusalem from the Crusaders (532-589H/1137-1193M)*, (terj.) Khalifa Ezzad Abu Zeid, Kaherah: Dār al-Salām.
- Wilkinson, John (1990), “Jerusalem under Rome and Byzantine 63BC-637AD”, dalam *Jerusalem in History*, ed. K. J. Asali, New York: Olive Branch Press.

Roslan dan Shakila, *Salahuddin Menangani Kristian di Palestin*